



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS
2019 (COVID-19) DI MALAYSIA
21 MAC 2022**

**PENGGUNAAN KAPASITI KATIL COVID-19 DI HOSPITAL
DAN PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID-19
BERISIKO RENDAH (PKRC)**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada 20 Mac 2022, **penggunaan fasiliti kesihatan khusus bagi kes COVID-19:**

- **Katil Kes Kritikal atau Unit Rawatan Rapi (ICU): Lima (5) negeri** iaitu WP Kuala Lumpur (67%), Johor (66%), Perlis (64%), Kelantan (58%), dan Selangor (56%) menunjukkan peratusan pengisian $\geq 50\%$ (**Jadual 1**);
- **Katil Bukan ICU: 11 negeri** iaitu Selangor (89%), WP Putrajaya (78%), Terengganu (77%), WP Kuala Lumpur (76%), Perlis (72%), Perak (70%), Melaka (70%), Sarawak (56%), Kelantan (55%), Negeri Sembilan (55%), dan

Pahang (52%) menunjukkan peratusan pengisian $\geq 50\%$ (Jadual 1);

- **Katil PKRC: Tiada negeri** yang menunjukkan peratusan pengisian $\geq 50\%$ (Jadual 1) dan;
- Pesakit COVID-19 yang memerlukan **alat bantuan pernafasan (ventilator)** menurun kepada **203 pesakit** dengan peratusan **penggunaan ventilator 23%**.

Jadual 1: Penggunaan katil COVID-19 bagi ICU dan bukan ICU di hospital dan PKRC pada 20 Mac 2022

PENGGUNAAN KATIL COVID-19 DI HOSPITAL DAN PKRC SETAKAT 20.3.2022

NEGERI	PENGUNAAN KATIL COVID-19								
	KATIL HOSPITAL BUKAN KRITIKAL			KATIL HOSPITAL ICU			PKRC		
	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT COVID & PUI	% PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	PERATUS PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	% PENGGUNAAN
Perlis	165	119	72%	11	7	64%	114	10	9%
Kedah	1,228	463	38%	130	37	28%	666	105	16%
Pulau Pinang	691	324	47%	49	23	47%	800	55	7%
Perak	977	682	70%	55	26	47%	200	65	33%
Selangor	1,612	1,442	89%	86	48	56%	1385	301	22%
WP Kuala Lumpur	731	555	76%	30	20	67%	0	0	0%
WP Putrajaya	83	65	78%	3	1	33%	0	0	0%
Negeri Sembilan	516	286	55%	61	14	23%	224	44	20%
Melaka	283	198	70%	32	15	47%	849	224	26%
Johor	1,616	780	48%	58	38	66%	807	78	10%
Pahang	789	409	52%	81	27	33%	1,106	102	9%
Terengganu	487	376	77%	40	14	35%	641	151	24%
Kelantan	750	415	55%	48	28	58%	942	167	18%
Sabah	1,520	413	27%	120	39	33%	1,897	115	6%
Sarawak	1,000	556	56%	75	34	45%	995	199	20%
WP Labuan	98	12	12%	7	0	0%	130	7	5%
JUMLAH	12,546	7,095	57%	886	371	42%	10,756	1,623	15%

Jadual 2: Penggunaan keseluruhan katil termasuk kes COVID-19 dan bukan COVID-19 di hospital awam pada 20 Mac 2022

PENGGUNAAN KATIL KES COVID-19 DAN BUKAN COVID-19 DI HOSPITAL 20.3.2022

NEGERI	PENGGUNAAN KATIL COVID-19 DAN BUKAN COVID-19					
	KATIL HOSPITAL BUKAN KRITIKAL			KATIL HOSPITAL ICU		
	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	% PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	% PENGGUNAAN
Perlis	484	340	70%	19	14	74%
Kedah	2609	1930	74%	146	67	46%
Pulau Pinang	1969	1484	75%	88	54	61%
Perak	5218	3405	65%	102	58	57%
Selangor	5176	3506	68%	192	124	65%
WP Kuala Lumpur	4366	2251	52%	97	76	78%
WP Putrajaya	585	273	47%	20	10	50%
Negeri Sembilan	1807	992	55%	97	44	45%
Melaka	1223	885	72%	92	45	49%
Johor	5127	3639	71%	114	82	72%
Pahang	1872	1299	69%	120	60	50%
Terengganu	1548	1233	80%	61	29	48%
Kelantan	2796	1968	70%	158	102	65%
Sabah	4190	2241	53%	145	88	61%
Sarawak	3717	2274	61%	142	81	57%
WP Labuan	201	61	30%	12	3	25%
JUMLAH	42,888	27,781	65%	1,605	937	58%

Terdapat perbezaan antara **Jadual 1** dan **Jadual 2** di mana data kapasiti dan penggunaan di **Jadual 2** adalah juga termasuk untuk kes COVID-19 dan kes bukan COVID-19.

Jadual 3: Bilangan kemasukan pesakit harian COVID-19 ke hospital awam mengikut kategori dan negeri pada 20 Mac 2022

BILANGAN KEMASUKAN PESAKIT HARIAN COVID-19 KE HOSPITAL AWAM MENGIKUT KATEGORI & NEGERI 20.3.2022


NEGERI	NUMBER OF HOSPITAL BEDS FOR COVID-19	CAT 1	CAT 2	CAT 3	CAT 4	CAT 5	TOTAL DAILY COVID-19 PATIENT ADMITTED	TOTAL DAILY COVID-19 PATIENT DISCHARGED
Perlis	165	0	9	1	3	0	13	13
Kedah	1,228	9	43	10	35	0	97	65
Penang	691	15	69	20	20	1	125	68
Perak	977	14	62	13	42	9	140	100
Selangor	1,612	15	87	53	35	8	198	193
WP Kuala Lumpur	731	5	35	12	17	2	71	94
WP Putrajaya	83	6	5	4	3	0	18	10
Negeri Sembilan	516	2	16	4	13	0	35	33
Melaka	283	4	27	3	13	1	48	17
Johor	1,616	13	69	26	22	7	137	141
Pahang	789	6	49	13	22	1	91	84
Terengganu	487	7	29	11	18	3	68	60
Kelantan	750	11	20	8	24	8	71	89
Sabah	1,520	8	11	7	6	3	35	47
Sarawak	1,000	16	47	8	14	3	88	114
WP Labuan	98	1	3	0	0	0	4	4
JUMLAH	12,546	132	581	193	287	46	1,239	1,132

KKM ingin menjelaskan bahawa terdapat **perbezaan di antara data harian kemasukan kes COVID-19 ke hospital (Jadual 3)** berbanding kes COVID-19 kategori 1 hingga 5 yang baharu didiagnosa pada setiap hari. Ini memandangkan **keadaan klinikal pesakit yang dinamik** dan mungkin merosot atau bertambah baik sepanjang dijangkiti COVID-19.

Pada masa yang sama, terdapat juga kes-kes COVID-19 berisiko tinggi dari kategori 1 dan 2 yang memerlukan kemasukan ke PKRC dan hospital sebagai langkah berjaga-jaga.

Pada 20 Mac 2022, sebanyak **1,239 kes** COVID-19 dimasukkan ke hospital dengan kategori berikut (**Rajah 1**):

- **526 kes (42.5 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **713 kes (57.5 peratus)** adalah kategori 1 dan 2.



Rajah 1: Bilangan kemasukan pesakit harian COVID-19 berdasarkan kategori ke hospital

Selain itu, KKM ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia pada 20 Mac 2022:

- Kes sembuh: **28,250 kes** [3,684,665 kes kumulatif (92.3%)];
- Kes baharu: **19,105 kes** (3,993,124 kes kumulatif);
- Kes import: **386 kes** [373 warganegara (96.6%); 13 bukan warganegara (3.4%)];
- Kes tempatan: **18,719 kes** [18,046 warganegara (96.4%); 673 bukan warganegara (3.6%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **371 kes** (158 kes disahkan COVID-19; 213 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan); dan
- Kes memerlukan bantuan pernafasan: **203 kes** (95 kes disahkan COVID-19; 108 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan).

PERINCIAN KATEGORI KES COVID-19

Daripada **19,105 kes** harian yang dilaporkan pada 20 Mac 2022:

- Kategori 1: 8,267 kes (43.27%);
- Kategori 2: 10,645 kes (55.72%);
- Kategori 3: 81 kes (0.42%);
- Kategori 4: 44 kes (0.23%); dan
- Kategori 5: 68 kes (0.36%).

Daripada **193 kes** COVID-19 kategori 3, 4, dan 5 yang baharu dilaporkan pada 20 Mac 2022:

- 58 kes (30.05%) tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi;
- 78 kes (40.41%) telah menerima dua (2) dos vaksin COVID-19 tetapi belum menerima dos penggalak (*booster*);
- 57 kes (29.53%) telah menerima dos penggalak (*booster*);
- 92 kes (47.67%) berumur 60 tahun dan ke atas; dan
- 81 kes (41.97%) mempunyai komorbid.

KLUSTER COVID-19

- Jumlah kluster: **6,912 kluster**;
- Jumlah kluster baharu: **1 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat: **6,608 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif: **304 kluster**.

NILAI R_T

Perincian nilai R_T mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 4**. Maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

Jadual 4: Nilai R_T mengikut negeri berdasarkan kes yang dilaporkan pada 20 Mac 2022

NEGERI	NILAI R_T
Sarawak	1.03
Perak	1.02
WP Kuala Lumpur	1.00
WP Putrajaya	0.99
Pulau Pinang	0.99
Terengganu	0.98
Negeri Sembilan	0.98
Selangor	0.98
Melaka	0.95
Johor	0.94
Pahang	0.93
Kedah	0.89
Perlis	0.87
Kelantan	0.87
WP Labuan	0.74
Sabah	0.64
MALAYSIA	0.93


PENULARAN SUB-LINEAGE VARIANT OF CONCERN (VOC) OMICRON BA.2 DAN KESAN KESIHATAN AWAM

KKM ingin memaklumkan bahawa, melalui kajian dan surveilan genomik berterusan yang telah dijalankan oleh *UKM Medical Molecular Biology Institute* (UMBI-UKM), *Integrative Pharmacogenomics Institute*, Universiti Teknologi MARA (iPROMISE-UiTM), *Tropical Infectious Diseases Research and Education Centre* (TIDREC-UM), *Malaysia Genome & Vaccine Institute* (MGVI), *Institute of Health and Community Medicine*, Universiti Malaysia Sarawak (IHCM-UNIMAS), Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HP-UPM), Hospital Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia - Kuantan, dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) KKM menunjukkan bahawa **varian Omicron telah mula menggantikan varian Delta sebagai varian utama** yang menular dalam kalangan penduduk Malaysia.

Untuk makluman, *Variant of Concern* (VOC) Omicron terbahagi kepada tiga *sub-lineage* iaitu BA.1, BA.1.1, dan BA.2. Sehingga 20 Mac 2022, masih belum ada laporan mengenai kewujudan satu lagi *sub-lineage* iaitu BA.3 di Malaysia. Kebimbangan terhadap *sub-lineage* BA.2 adalah kerana ia berkemungkinan mengakibatkan **transmisi yang lebih tinggi** berbanding dengan *sub-lineage* Omicron yang lain serta varian Delta.

Di antara tiga *sub-lineage* varian Omicron yang menular, jumlah pelaporan *sub-lineage* BA.1.1 dan BA.2 dilihat semakin meningkat (**Rajah 2**). Omicron *sub-lineage* BA.1.1 telah **meningkat** daripada **38.3%** pada Januari 2022 kepada **48.7%** pada bulan Februari 2022, namun **menurun** kepada **40.0%** pada bulan Mac 2022. Bagi tempoh yang sama (1 Mac 2022 hingga 17 Mac 2022), didapati varian Omicron BA.2 telah **meningkat** ke **27.1%** berbanding pada bulan Januari 2022 dan Februari 2022 di mana pelaporan untuk varian Omicron *sub-lineage* BA.2 hanyalah masing-masing **0.9%** dan **2.7%**.

Kenaikan mendadak *sub-lineage* BA.2 ini adalah satu perkara yang **perlu diambil perhatian**.




Rajah 2: Jumlah dan peratusan kes varian Delta dan Omicron (BA.1, BA.1.1, dan BA.2) yang telah dimuatnaik ke GISAID pada bulan Januari, Februari, dan Mac (1 - 17 Mac) 2022.

Situasi yang sama juga dilihat di beberapa negara seperti Denmark, India, dan Nepal yang telah melaporkan varian utama virus SAR-CoV2 yang menular di negara mereka adalah varian Omicron *sub-lineage* BA.2. KKM menjangkakan, besar kemungkinan varian Omicron *sub-lineage* BA.2 kelak akan menjadi varian yang dominan di Malaysia.

Justeru, penduduk Malaysia perlu berwaspada dengan peningkatan penularan varian Omicron BA.2 dan pada masa yang sama, kita juga perlu khuatir kepada penularan berpanjangan varian Delta yang diketahui berupaya

mengakibatkan jangkitan yang lebih serius terutama di kalangan mereka yang tidak divaksinasi atau tidak menerima vaksin dos penggalak (*booster*).



Rajah 3: Respon *Neutralizing Antibodies* (NAb) dalam kalangan kumpulan individu yang menerima vaksinasi dan dos penggalak

(Ruj: Jingyou Yu et. al, 2022. *The New England Journal of Medicine*, 19 Mac 2022)

Neutralizing Antibodies (NAb) adalah antibodi yang bertanggungjawab untuk mempertahankan sel daripada organisma yang menyebabkan penyakit, iaitu terbentuk sama ada melalui vaksinasi atau tindakbalas tubuh terhadap jangkitan terdahulu. Dapatan kajian oleh Jingyou Yu et. al, 2022, telah menyarankan bahawa vaksin dos penggalak (*booster*) adalah disyorkan untuk meningkatkan tahap NAb yang lebih tinggi dan konsisten terhadap BA.1 atau BA.2. Ia berfungsi untuk melindungi mereka yang dijangkiti *sub-lineage* varian Omicron

daripada kesan yang serius serta mengelakkan kemasukan ke hospital atau ke Unit Rawatan Rapi (ICU) **(Rajah 3)**.

Sehingga kini, sebanyak 65.7% orang dewasa telah menerima dos penggalak dan hanya 35.3% kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun telah divaksin COVID-19. Pengambilan vaksin COVID-19 terutama dos penggalak kepada warga emas dan kanak-kanak ini amat penting bagi melindungi mereka daripada jangkitan teruk COVID-19 yang boleh membawa maut dan juga sebagai persediaan apabila negara memulakan 'Fasa Peralihan ke Endemik' pada 1 April 2022.

Ibu bapa dan ahli keluarga perlu memainkan peranan yang penting serta bertindak secara proaktif dengan meyakinkan golongan rentan ini untuk menerima vaksinasi dan dos penggalak COVID-19 dengan menunjukkan fakta-fakta yang sahih dan tepat berkaitan kepentingan vaksin dan dos penggalak demi keselamatan dan kesihatan mereka.

“Lindung Diri, Lindung Keluarga, Lindung Komuniti”

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang sesak, sempit, dan sembang dengan jarak yang dekat);
- **Amalkan 3W:** (Amalkan *Wash, Wear, and Warn*); Sentiasa memakai **pelitup muka** di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan;
- **Amalkan TRIIS** (*Trace, Report, Isolate, Inform, and Seek*) sebelum menghadiri aktiviti sosial atau sekiranya bergejala;
- Jalani segera ujian COVID-19 sekiranya **bergejala**;
- Individu **positif COVID-19 Kategori 1 dan 2A dan bukan berisiko tinggi (berumur bawah 60 tahun dan tidak mempunyai komorbid)**, tidak perlu hadir ke **COVID-19 Assessment Centre (CAC)**, sebaliknya hanya perlu melakukan pemantauan sendiri melalui HAT dalam aplikasi MySejahtera. SMS atau panggilan daripada perkhidmatan *Automated Voice Recording (robocall)* akan diterima sekiranya belum atau tidak menjalankan pemantauan sendiri setiap hari;
- Individu yang perlu hadir ke CAC terdekat (senarai penuh lokasi, nombor telefon dan waktu operasi boleh didapati di <https://covid-19.moh.gov.my/hotline>) untuk penilaian lanjut akan dimaklumkan melalui MySejahtera atau dihubungi CAC melalui SMS atau panggilan telefon;

- Individu yang **positif COVID-19 Kategori 2B dan ke atas (sama ada berisiko tinggi atau tidak)** atau **mempunyai gejala yang semakin teruk**, dikehendaki hadir ke CAC atau hospital terdekat bagi pemeriksaan lanjut tanpa menunggu panggilan telefon daripada CAC; dan
- Tempoh isolasi bagi individu **positif COVID-19 yang telah lengkap vaksinasi termasuk yang telah mendapat dos penggalak (booster) adalah tujuh (7) hari**, manakala tempoh isolasi bagi **individu positif COVID-19 yang tidak lengkap vaksinasi atau tiada vaksinasi adalah selama 10 hari**. Tempoh isolasi terkini tidak mengambil kira sama ada bergejala atau tidak bergejala.

Individu yang belum menerima vaksin dan tidak pernah dijangkiti COVID-19 adalah kumpulan paling berisiko mendapat jangkitan COVID-19. KKM menasihatkan individu ini agar segera mendaftar dan mendapatkan vaksin COVID-19. Bagi yang telah mendaftar, KKM memohon agar anda hadir ke temu janji tersebut demi melindungi diri dan orang tersayang.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

21 Mac 2022 @ 10.00 pagi

Lampiran 1

Jadual 5: Perbandingan gejala COVID-19 Kategori 2A (ringan) dan 2B (sederhana)

Kategori 2A	Kategori 2B
Sakit tekak atau selesema tanpa demam atau sesak nafas	Demam berpanjangan [dua (2) hari dan lebih] atau demam semula selepas sembuh
Batuk tanpa demam atau sesak nafas	Kesukaran bernafas apabila melakukan aktiviti (<i>exertional dyspnoea</i>)
Hilang deria rasa tetapi masih mempunyai selera makan	Sakit dada
Hilang deria bau	Tidak boleh makan atau minum
Cirit-birit dua (2) kali atau kurang dalam masa 24 jam tetapi kekerapan dan pengeluaran air kencing seperti biasa (normal)	Kelesuan bertambah teruk terutamanya semasa melakukan aktiviti harian atau semasa baru bangun daripada tidur
Loya dan muntah tetapi kekerapan dan pengeluaran air kencing seperti biasa (normal)	Memerlukan bantuan untuk berjalan
Kelesuan tetapi masih boleh melakukan aktiviti harian	Gejala seperti batuk, loya, muntah atau cirit-birit semakin teruk atau berterusan
Sakit otot tetapi masih boleh melakukan aktiviti harian	Perubahan status mental seperti kekeliruan / kurang tahap sedar
	Kurang pengeluaran air kencing dalam masa 24 jam